



SUK.D200(06)600/9/Jld 15(33)

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 7 TAHUN 2020**

BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2020

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2020** bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan sebagaimana Lampiran:

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web www.kelantan.gov.my dan www.jpa.gov.my.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT”

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 8 Syawal 1441H bersamaan
31 Mei 2020

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Lampiran

Pindaan Pegawai Yang Layak

1. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 ini dipanjangkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi Gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *contract of service (COF)*, *contract for service (CFS)*, berelaun dan sambilan dengan bayaran sebanyak RM500.00.
2. Bantuan ini juga dipanjangkan kepada pegawai Lantikan Politik, Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Penghulu, Pegawai Halaqat, Guru Al-Quran, Fardu Ain, Penyelaras ICT DUN, Pihak Pembangunan Armalah DUN (PPAD) dan Penyelaras Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) sebanyak RM250.00 seorang.



DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 8 Syawal 1441H bersamaan
31 Mei 2020